

# 'Masih ada mahu guna kekerasan rampas kuasa'

UM 1 JAN 2002

PORT DICKSON 31 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya tidak leka kerana masih ada kumpulan tertentu yang akan menggunakan kekerasan untuk merampas kuasa di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, meskipun perbuatan kumpulan terbabit bejaya dipatahkan, namun rakyat diingatkan supaya tidak mudah percaya bahawa mereka tidak berupaya lagi menggugat kebebasan negara.

Sebarang kelekaan, tegas beliau, hanya akan mendedahkan negara kepada risiko kemungkinan dijajah semula dan menjadi hamba kepada orang lain.

Juster-u, apa yang perlu dilakukan ialah semua pihak perlu berdisiplin serta sanggup menentang dan menewaskan sesiapa sahaja yang cuba menggugat keamanan sedia ada.

"Saya bangga dengan kebolehan rakyat Malaysia dalam bidang ketenteraan dan perisikan kerana hanya dengan kecekapan, kita dapat tentukan negara bebas dan merdeka.

"Saya yakin jika ada sesiapa cuba menyerang, maka tentera Malaysia sanggup berjuang untuk mempertahankan negara walaupun dengan perjuangan itu, mereka terpaksa berkorban nyawa. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, negara masih selamat," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Pengambilan ke-147 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda) Port Dickson, di sini hari ini.

Upacara melibatkan 1,957 anggota rekrut yang menamatkan latihan selama enam bulan sejak 25 Jun lalu turut disaksikan oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pertahanan,

Datuk Shafiq Afdal, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zahidi Zainuddin dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Mohd. Hashim Hussein.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan sebenarnya bersyukur kerana rakyat terutamanya golongan belia sanggup menyertai bidang ketenteraan dan memikul senjata untuk mempertahankan negara.

Tentera Malaysia pula, adalah badan profesional yang bertugas untuk mempertahankan negara mengikut arahan oleh kerajaan pilihan rakyat.

Tegasnya, meskipun ada anggota tentera mempunyai pendapat berbeza tetapi sebagai badan profesional, mereka tidak boleh mencampuradukkan pemikiran itu semasa bertugas.

"Saya yakin, kita semua faham betapa penting sikap disiplin ini kerana badan yang tidak berdisiplin, tidak mungkin dapat menjalankan tugas mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terutang budi kepada anggota tentera yang sehingga kini menjalankan tugas mereka dengan penuh kesetiaan kepada negara.

Kerajaan, tegasnya, juga yakin kesetiaan yang ditunjukkan oleh mereka tidak akan luntur sebaliknya akan terus kekal untuk menjamin negara berada dalam keadaan selamat daripada sebarang ancaman.

"Kemerdekaan yang kita kecapi perlu dipertahankan. Kita bersyukur di Malaysia, perkhidmatan tentera masih bersifat sukarela dan bukannya paksaan seperti sesetengah negara lain," jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir yang ditemui pemberita selepas itu berkata, kerajaan sedang memberi perhatian dalam penyediaan lebih banyak rumah kepada anggota tentera.

Ini kerana, katanya, ada anggota tentera yang terpaksa tinggal di kawasan setinggan kerana rumah yang disediakan oleh kerajaan tidak mencukupi.